

KERTAS LATIHAN PEPERIKSAAN 8

Nama : _____

Darjah : _____

Tarikh : _____

Masa: 1 jam 40 min

Markah
90

BAHAGIAN A IMBUHAN (10 × 2 markah)

Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

- | | |
|--|---|
| <p>Pak Mat membaca laporan akhbar.</p> <p>Kampung halamannya sedang</p> <p>(1)_____ banjir yang teruk. Pak Mat</p> <p>(2)_____. Di hati kecilnya, dia</p> <p>(3)_____ agar tiada orang yang</p> <p>(4)_____. Dia (5)_____</p> <p>laporan itu dengan pantas.</p> <p>(6)_____ laporan itu, tiada</p> <p>seorang kampung pun yang terkorban atau</p> <p>mendapat cedera. Pak Mat (7)_____</p> | <p>1. (1) dihadapi
(2) dihadapkan
(3) menghadapi
(4) menghadapkan ()</p> <p>2. (1) dikejut
(2) kejutan
(3) mengejut
(4) terkejut ()</p> <p>3. (1) berharap
(2) diharap
(3) harapan
(4) harapkan ()</p> <p>4. (1) dicerderakan
(2) kecederaan
(3) mencedera
(4) tercedera ()</p> |
|--|---|

lega. Walaupun dia telah berhijrah ke bandar sejak sepuluh tahun lepas, dia tidak lupakan kampung halamannya. Malah, dia dan keluarganya sering (8)_____ sanak-saudara mereka di kampung pada cuti umum. Pak Mat segera (9)_____ anaknya yang bertugas sebagai seorang pakar bedah di bandar. Dia menceritakan hal itu kepada anaknya. Mereka membuat (10)_____ untuk pulang ke kampung untuk membantu.

"Mudah-mudahan, bencana ini akan berakhir tidak lama lagi," kata Pak Mat kepada dirinya lagi.

5. (1) bacaan
(2) membaca
(3) pembaca
(4) terbaca ()
6. (1) Berturut
(2) Diturut
(3) Menurut
(4) Turutkan ()
7. (1) berasa
(2) dirasa
(3) perasa
(4) terasa ()
8. (1) dijenguk
(2) jengukkan
(3) menjenguk
(4) terjenguk ()
9. (1) dapatan
(2) didapati
(3) mendapatkan
(4) pendapat ()
10. (1) diputuskan
(2) keputusan
(3) memutuskan
(4) putusan ()

BAHAGIAN B PERIBAHASA (5 × 2 markah)

Pilih peribahasa atau makna yang paling sesuai bagi setiap item dalam petikan karangan di bawah ini.

"Kelana, boleh tolong pakcik?"

Kedengaran suara Pak Tawi. Kelana yang

(11) murah hati itu tidak menolak. Orang

kampung pun tahu dialah salah satu pemuda

kampung yang boleh diharap.

Pak Tawi ingin membersihkan kawasan semak di belakang rumahnya. Kelana

(12) melakukan pekerjaan itu dengan cepat.

Walaupun Pak Tawi mempunyai dua orang

anak lelaki yang sebaya dengan Kelana,

mereka merupakan pemalas. Mereka juga

tidak boleh bekerjasama kerana (13) sering

bertengkar.

Pak Tawi (14) lapang dada setelah

Kelana membersihkan tanahnya itu. Leganya

tidak berkata. Sebagai upah, dia hendak

memberi Kelana separuh daripada tanah itu.

11. (1) suka menderma wang
(2) suka menerima sesuatu
(3) suka meluahkan perasaan
(4) suka memberi pertolongan
()

12. (1) seperti lipas kudung
(2) bagai aur dengan tebing
(3) bagai tikus membaiki labu
(4) seperti garam jatuh ke air
()

13. (1) seperti garam jatuh ke air
(2) seperti anjing dengan kucing
(3) seperti pahat dengan penukul
(4) seperti katak di bawah tempurung
()

14. (1) berasa mewah
(2) berasa senang
(3) berasa bangga
(4) berasa terharu ()

Kelana yang (15) putih hati itu menolak tawarannya dengan baik. Sifatnya yang mulia ini membuat penduduk kampung sayang kepadanya.

15. (1) jujur
(2) bijak
(3) tekad
(4) ikhlas ()

BAHAGIAN C GOLONGAN KATA (5 × 2 markah)

Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

Ramai rakyat Singapura gemar pergi ke pusat penjaja. Pusat-pusat ini telah didirikan (16)_____ pemerintah.

16. (1) bagi
(2) oleh
(3) untuk
(4) kerana ()

Pusat-pusat penjaja ini biasanya terdapat (17)_____ estet-estet perumahan.

17. (1) dari
(2) dalam
(3) di
(4) pada ()

Gerai-gerai makanan di pusat-pusat penjaja lazimnya terletak di bawah satu bumbung dengan pasar.

Pusat-pusat penjaja ini didirikan sebagai kemudahan untuk orang ramai yang gemar

makan di luar rumah. Kaum ibu yang terpaksa
keluar (18)_____ dan tidak sempat

masak untuk keluarga masing-masing boleh
membeli lauk-pauk yang dijual di gerai-gerai
tersebut. (19)_____ adanya gerai-

gerai yang menjual pelbagai jenis hidangan
lazat, bermacam-macam menu makanan
dapat disajikan kepada keluarga setiap hari.

Gerai-gerai di pusat-pusat penjaja sangat
bersih dan rapi. Di hadapan setiap gerai
tertulis nama gerai, jenis makanan
(20)_____ harganya bagi
memudahkan pelanggan membuat pilihan.

Sejak kebelakangan ini pula, para pelanggan
dilarang merokok di pusat penjaja supaya
suasana di tempat makan ini lebih selesa
dikunjungi ramai.

18. (1) bekerja
(2) berbelanja
(3) beriadah
(4) berjalan ()

19. (1) Hingga
(2) Setelah
(3) Kerana
(4) Dengan ()

20. (1) dari
(2) untuk
(3) serta
(4) juga ()

BAHAGIAN D KEFAHAMAN 1 (5 × 2 markah)

Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti.

Seorang gadis bernama Kamelia tinggal dengan neneknya yang uzur di sebuah pondok yang kecil. Mereka hidup dengan penuh kemiskinan. Pada suatu hari, Kamelia sedang mencari cendawan di hutan. Kamelia membawa bekal sepotong roti tawar. Sewaktu dia sedang berjalan, dia ternampak seorang lelaki tua yang kelihatan penat dan lapar. Kamelia mendekati lelaki itu.

Seperti yang diduga, lelaki tua itu sedang kelaparan. Kamelia mengajak lelaki itu berkongsi roti yang dibawanya. Lelaki itu sangat berterima kasih kepada Kamelia. "Anak sangat baik hati. Pakcik tidak ada apa-apa untuk membalas kebaikan anak. Ah, anak ambillah periuk pakcik ini," kata orang tua itu. Kamelia cuba menolak tawaran lelaki tua itu, tetapi lelaki tua itu memujuknya sehingga akhirnya, Kamelia menerima pemberian itu. Lelaki itu pun berjalan lalu hilang dari pandangan.

Kamelia pulang membawa cendawan-cendawan dan periuk orang tua tadi. Dia meletakkan periuk itu di atas dapur. Kemudian, dia masuk ke bilik untuk menyalin pakaian. Apabila dia kembali ke dapur, alangkah terperanjatnya dia melihat periuk itu sudah pun penuh dengan bubur. Kamelia memanggil neneknya. Mereka berasa hairan tetapi bersyukur. Mereka menyajikan bubur itu untuk makan tengah hari. Sudah lama mereka tidak makan nasi kerana mereka tidak mampu membeli beras.

Apabila malam tiba, Kamelia meletakkan periuk itu di atas dapur sekali lagi. Dia terkejut melihat sup ayam sedang mendidih di dalam periuk itu. "Ini pasti periuk ajaib," kata Kamelia kepada neneknya. Semenjak hari itu, Kamelia dan neneknya tidak lagi susah mencari makanan. Malah, mereka sering mengajak orang-orang miskin yang lain makan bersama mereka setiap hari.

Berdasarkan petikan karangan di halaman 6, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut.

21. Kamelia ke hutan untuk mencari _____.
(1) lelaki tua
(2) roti tawar
(3) neneknya
(4) cendawan ()
22. Kamelia terkejut kerana periuk itu _____.
(1) boleh berjalan
(2) dipenuhi makanan
(3) membalas kebajikannya
(4) hilang dari pandangannya ()
23. Kamelia dan neneknya sudah lama tidak makan nasi kerana _____.
(1) neneknya sudah uzur
(2) harga beras terlalu mahal
(3) mereka lebih gemar sup ayam
(4) mereka tinggal di pondok kecil ()
24. Perkataan **ajaib** dalam petikan bermaksud _____.
(1) sakti
(2) pelik
(3) ganjil
(4) ghaib ()
25. Moral cerita ini adalah _____.
(1) buatan baik akan dibalas baik
(2) rezeki yang berlebihan harus dikongsi
(3) harapkan balasan apabila menolong orang
(4) kita akan mendapat barang ajaib apabila menolong orang ()

BAHAGIAN E FRASA (4 × 2 markah)

Isi setiap tempat kosong dalam dialog di bawah ini dengan frasa yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

- (1) boleh bercakap
- (2) tentu mahal harganya
- (3) tidak boleh diajak berenang
- (4) saya namakan Simpson 138
- (5) benar-benar seperti manusia
- (6) tidak boleh makan dan minum

Jason: Profesor, siapakah ini?

Profesor Robert: Ini adalah robot ciptaan saya. Robot ini (26)_____. Saya namakan robot ini sempena watak kartun kegemaran saya.

Jason: Oh, robot rupanya! Apakah yang boleh robot ini lakukan? Adakah robot ini (27)_____?

Profesor Robert: Sudah tentu! Simpson 138 boleh bertutur dalam 100 bahasa di dunia ini.

Jason: Wah, menakjubkan! Rupanya (28)_____. Pada mulanya tadi, saya menyangka robot ini adalah seorang manusia.

Profesor Robert: Saya telah mencipta kulit yang mirip dengan kulit manusia. Simpson 138 boleh membuat pelbagai aktiviti seperti manusia. Namun, Simpson 138 (29)_____. Mesin di dalamnya boleh rosak jika terkena air terlalu lama.

BAHAGIAN F KEFAHAMAN 2 (32 markah)*Teliti brosur yang berikut.*

Pembukaan Rasmi

BUTIK Raja Sehari

Tingkat 2, Gedung Matahari, Jalan Kembang

Kek Perkahwinan

Promosi kek perkahwinan:
 Kek 3 tingkat: \$350
 Kek 2 tingkat: \$250

250 kek cawan percuma!
 (Harga biasa 80 sen sebiji)



Kek direka oleh pakar kek, Puan Hasimah Laili!

Kad Jemputan

Pilihan lebih dari 100 corak!

Tempah 500 kad atau lebih untuk penghantaran percuma!

Harga serendah 40 sen!
 (Sampul diberi percuma)

Kereta Pengantin

Pakej Indah: \$300 termasuk pemandu
Pakej Mewah: \$450 termasuk pemandu
 (Diskaun 30% akan diberikan kepada 20 pelanggan pertama!)

Kereta-kereta kami akan dihias mengikut warna bunga dan reben pilihan anda!

Hubungi Johari Karman di talian 67887832 untuk maklumat lanjut.

Andaman Pengantin

Pakej A (4 baju eksklusif):
 \$1200 – \$1500

Pakej B (10 baju eksklusif):
 \$2500 – \$8000
 (khidmat jurugambar percuma untuk 2 hari majlis dijalankan)

Pakej-pakej termasuk khidmat jurusolek pakar kami yang pernah menyolek artis-artis seperti Sarah Raiqilah dan Kris Mayangsari!

Berdasarkan brosur di halaman 9, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut.

30. _____ akan menghias kek pengantin. (2 markah)
- | | | |
|-------------------|---------------------|----------|
| (1) Hasimah Laily | (2) Sarah Raiqilah | |
| (3) Johari Karman | (4) Kris Mayangsari | () |
31. Seseorang dapat membeli _____ dengan harga 40 sen. (2 markah)
- | | | |
|----------------------|-----------------------|----------|
| (1) kek cawan | (2) kad jemputan | |
| (3) kereta pengantin | (4) andaman pengantin | () |
32. Pakej _____ berharga antara \$1200 hingga \$1500. (2 markah)
- | | | |
|-----------|-----------|----------|
| (1) A | (2) B | |
| (3) Indah | (4) Mewah | () |
33. Brosur ini dikhususkan untuk _____. (2 markah)
- | | |
|--------------------------------|----------|
| (1) jurusolek | |
| (2) bakal pengantin | |
| (3) pemandu kereta | |
| (4) pengunjung Gedung Matahari | () |
34. Kakak kamu akan melangsungkan perkahwinannya tidak lama lagi. Kamu yakin Butik Raja Sehari dapat menolong kakak kamu dalam persiapan perkahwinannya. Terangkan dua perkara tentang Butik Raja Sehari yang dapat meyakinkan kakak kamu mengikuti cadangan kamu.
- Gunakan informasi yang terdapat di dalam brosur ini untuk meyakinkan kakak kamu dalam pesanan ringkas kamu. (4 markah)
- Kakak, saya ada terbaca iklan di surat khabar tentang kedai Butik Raja Sehari. Saya rasa ia sesuai untuk kakak. Pertamanya _____
- _____
- _____
- _____
- _____

Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

"Sudahlah, Kamarul. Kematian pesakit itu bukan salah kamu. Usahlah kau runsingkan lagi perkara itu," pujuk Puan Amnah. Kamarul tetap murung. Inilah kali pertama seorang pesakitnya mati di hadapan matanya sendiri. Dia berasa kecewa dengan dirinya sendiri.

"Apa gunanya aku diberikan ilmu merawat penyakit sekiranya aku tidak dapat menyelamatkan seseorang?" kata Kamarul kepada rakannya, Doktor Fahmi di dalam pejabatnya selepas kematian pesakitnya, Encik Rama. Encik Rama telah menghidap penyakit barah perut selama setahun. Kamarullah yang telah merawatnya selama ini. Encik Rama sentiasa ceria walaupun dia sedang menderitanya dengan penyakit tersebut. Sikap Encik Rama itulah yang membuat Kamarul kagum dengan Encik Rama.

Namun, sejak dua bulan lalu, keadaan Encik Rama semakin teruk. Encik Rama memerlukan suntikan ubat penahan sakit kerana dia sering diserang kesakitan yang menyebabkannya meronta-ronta. Pada pagi hari pembedahan terakhirnya, Encik Rama berkata kepada Kamarul, "Doktor, terima kasih kerana telah merawat saya selama ini. Saya berbesar hati melihat kesungguhan doktor. Sekiranya hari ini saya meninggalkan dunia ini, janganlah doktor bersedih."

Seminggu sudah berlalu semenjak kematiannya, tetapi kata-kata Encik Rama itu masih berlegar di fikiran Kamarul. Tanpa disedarnya, setitis air mata mengalir dari kelopak matanya. Barulah dia sedar, tanggungjawab sebagai seorang doktor sangat berat. Dia bertekad untuk membantu seberapa ramai pesakit yang dia mampu. Ajal seseorang memang tidak dapat dielakkan tetapi dia berharap agar dia dapat meringankan penderitaan pesakit-pesakitnya.

Berdasarkan petikan karangan yang diberi, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

35. Siapakah yang memujuk Kamarul? (2 markah)

36. Apakah pekerjaan Kamarul? (2 markah)

37. Nyatakan dua sebab Kamarul murung. (4 markah)

38. Mengapakah Kamarul kagum dengan Encik Rama? (4 markah)

39. Encik Rama berterima kasih kepada Kamarul. Jelaskan mengapa. (4 markah)

40. (a) Berdasarkan petikan karangan di halaman 11, berikan maksud perkataan-perkataan yang berikut dengan menggunakan tidak lebih daripada lima patah perkataan.

(i) ilmu (1 markah)

(ii) menderita (1 markah)

(b) Terdapat perkataan dalam petikan di halaman 11 yang mempunyai maksud yang sama dengan frasa di bawah. Kenal pasti perkataan tersebut. Kemudian tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan.

(i) berpusing-pusing - _____ (1 markah)

(ii) bergerak dan bergelut dengan kuat - _____ (1 markah)